



IKLAN BORANG PERMOHONAN PERMIT BAZAR AIDILFITRI 1437/2016 MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Dimaklumkan bahawa borang permohonan untuk permit perniagaan di Bazar Aidilfitri 1437/2015 Majlis Perbandaran Manjung dikeluarkan mulai **14 Jun 2016** di kaunter Pelesenan, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, Aras 2, Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT PERNIAGAAN BAZAR AIDILFITRI 1437/2016

1. Borang hanya akan dikeluarkan kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas atau syarikat yang mempunyai pendaftaran perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Bagi penjawat awam, perlu kemukakan surat kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing.
3. **Borang permohonan akan dikeluarkan mulai 14 Jun 2016 (Selasa) di kaunter Pelesenan, Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, Aras 2, Majlis Perbandaran jam 8.30 pagi dengan kadar RM10.00 untuk bayaran proses permohonan bagi satu borang. Sila kemukakan kad pengenalan dan salinan Pendaftaran perniagaan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) semasa hadir mengambil borang.**
4. Borang permohonan adalah terhad dan dikeluarkan berdasarkan prinsip **first come first serve**. Kadar bayaran bagi khemah Bazar Aidilfitri adalah seperti jadual di bawah dan perlu dijelaskan serta-merta semasa mengambil borang permohonan.
5. Tarikh mula bermula adalah seperti berikut mulai **20 Jun 2016** hingga **10 Julai 2016 (21 hari)**.
6. Pihak Majlis akan menyediakan dua (2) unit lampu panjang, seunit kipas angin dan soket di tapak perniagaan. **Peniaga tidak dibenarkan sama sekali membuat penyambungan haram atau tambahan kepada plug yang telah dibekalkan di khemah tersebut.**
7. Seorang peniaga hanya dibenarkan membeli satu (1) borang untuk menjalankan perniagaan di satu (1) petak sahaja.
8. Permit perniagaan hanya dikeluarkan kepada pembeli borangan sahaja. Nombor pada borang permohonan adalah nombor petak perniagaan.
9. Barang-barang jualan yang dibenarkan ialah kuih-muih, pakaian, aksesori, peralatan atau kelengkapan rumah dan lain-lain yang bersesuaian dengan perayaan ini.
10. Tapak perniagaan dan kadar bayaran yang ditetap:

Bil	Kawasan	Lokasi Bazar Aidilfitri	Saiz Khemah (pyramid/high top)	Jumlah Petak Yang Disediakan	Jumlah Bayaran (RM) Per Unit
1.	Sitiawan	Tempat Letak Kereta Berhampiran Pasar Awam Jalan Senawi, Sitiawan	20' x 12'	7	RM660.00

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG.**